



كردان نكرسي قيك بذا الالامان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010

Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910

04-774 4643/ 04-733 8717

E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Kedah
Malaysia
where it all began

Ruj Kami : PPNK.BN.400/3/15(10)

Tarikh : 08 Syaaban 1441H

02 April 2020

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' Paduka / YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**PELAKSANAAN PEMBAYARAN KENAIKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP (COLA)
MELALUI MODUL GAJI SISTEM i-SPEKS DAN PERUBAHAN GAJI LAIN-LAIN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Proses Pembayaran Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup (COLA) melalui Modul Gaji Sistem i-SPEKS akan dilaksanakan pada bulan Jun 2020.
3. Proses pembayaran ini akan dilaksanakan secara berkelompok oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri di mana perubahan Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup akan berlaku secara auto di Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Jabatan/PTJ hendaklah melaksanakan proses seperti mana **Manual Pengguna – Kemaskini Maklumat Perubahan Gaji Secara Berkelompok** yang telah dikemukakan kepada Jabatan/PTJ. Proses tersebut hendaklah dilaksanakan mulai **31 Mei 2020 sehingga 04 Jun 2020**.
4. Untuk makluman YB Dato' Paduka / YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, tiada perubahan lain akan dibenarkan pada bulan Jun 2020 kecuali bagi tujuan mengeluarkan maklumat gaji yang melibatkan **Kematian, Pertukaran dan Pencen**. Sehubungan dengan itu, YB Dato' Paduka / YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dinasihatkan untuk menyelesaikan sebarang perubahan gaji yang berkaitan kenaikan gaji bulan April dan lain-lain perubahan yang perlu melalui perubahan gaji bulan Mei 2020.
5. Sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini bolehlah menghubungi Unit Gaji Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah.


Kerjasama dan perhatian YB Dato' Paduka/ YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.



Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
‘KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH’

Saya yang menjalankan amanah,



(NAZHATUN BT MD.REJAB, AMK., (C.A.M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

s.k. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah